

D.R. 31/2012

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi menggunakan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk perkhidmatan bagi tahun itu.

[]

DIPERBUAT oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbekalan 2013.

Pengeluaran dan peruntukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2013

2. Pengeluaran sejumlah wang yang tidak melebihi satu ratus enam puluh dua bilion lima ratus empat puluh dua juta satu ratus sembilan puluh tujuh ribu ringgit (RM162,542,197,000) daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 adalah dengan ini dibenarkan dan jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

Rang Undang-Undang

JADUAL

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 1	Parlimen	82,445,000
B. 2	Pejabat Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja	2,240,000
B. 3	Jabatan Audit	147,534,000
B. 4	Suruhanjaya Pilihan Raya	461,145,000
B. 5	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	49,646,000
B. 6	Jabatan Perdana Menteri	5,562,349,000
B. 7	Jabatan Perkhidmatan Awam	2,081,973,000
B. 8	Jabatan Peguam Negara	198,614,000
B. 9	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	251,672,000
B. 10	Perbendaharaan	2,985,095,000
B. 11	Perkhidmatan Am Perbendaharaan	32,689,221,000
B. 12	Peruntukan kepada Kumpulan Wang Terkanun	2,911,350,000
B. 13	Kementerian Luar Negeri	615,208,000
B. 20	Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi	1,822,789,000
B. 21	Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani	4,175,175,000
B. 22	Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah	5,466,310,000
B. 23	Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar	1,032,505,000
B. 24	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	673,387,000
B. 25	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan	1,383,699,000
B. 27	Kementerian Kerja Raya	2,404,654,000
B. 28	Kementerian Pengangkutan	1,133,917,000
B. 29	Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air	127,636,000

<i>Maksud</i>	<i>Tajuk</i>	<i>Amaun (RM)</i>
B. 30	Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi	792,412,000
B. 31	Kementerian Pelancongan	716,231,000
B. 32	Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar	406,060,000
B. 40	Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran	16,000,000
B. 41	Kementerian Pelajaran	36,606,362,000
B. 42	Kementerian Kesihatan	17,352,956,000
B. 43	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	1,971,907,000
B. 45	Kementerian Belia dan Sukan	500,351,000
B. 46	Kementerian Sumber Manusia	714,706,000
B. 47	Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan	1,800,501,000
B. 48	Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat	1,802,479,000
B. 49	Kementerian Pengajian Tinggi	10,744,605,000
B. 60	Kementerian Pertahanan	11,970,462,000
B. 62	Kementerian Dalam Negeri	10,888,601,000
	JUMLAH	<u>162,542,197,000</u>

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi mengeluarkan wang daripada Kumpulan Wang Disatukan sebanyak satu ratus enam puluh dua bilion lima ratus empat puluh dua juta satu ratus sembilan puluh tujuh ribu ringgit (RM162,542,197,000) untuk perkhidmatan bagi tahun 2013 dan supaya jumlah wang itu diperuntukkan bagi maksud-maksud yang dinyatakan dalam Jadual.

[PN(U²)2166/III]